

"Hello 'Brader'...
Tak mainlah
'Kongsi-kongsi'

JARUM!!!



Kandungan

HIV Dan Penagihan Dadah

HIV Dan Perkongsian Jarum Suntikan

Peringkat Awal Jangkitan HIV

Peringkat Akhir Jangkitan HIV (AIDS)

HIV Dan Cara Jangkitan

HIV Dan Pencegahan

HIV Dan Salah Tindakan

Renungan

HIV Dan Penagihan Dadah

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan sehingga tahun 2001, sejumlah 40 juta penduduk dunia dijangkiti virus HIV. Pada tahun 2001 sahaja, dianggarkan seramai 5 juta orang dijangkiti virus HIV dan 3 juta kematian akibat AIDS.

Di Malaysia, sehingga akhir tahun 2001, seramai 44,278 orang pembawa HIV telah dikesan. Dari jumlah tersebut, seramai 6,025 adalah kes AIDS, dan 4543 telah dilaporkan meninggal dunia. Pada tahun 2001 sahaja seramai 5,938 pembawa HIV dan 1,302 AIDS dikesan di Malaysia. Di antara 70-80 peratus pembawa HIV adalah dari kalangan penagih dadah.

TAHUN	HIV & AIDS	% IDU
1995	4198	75.9
1996	4597	82.7
1997	3924	76.8
1998	4624	77.7
1999	4692	71.9
2000	5107	76.1
2001	5938	76.6

* Sumber KKM

HIV Dan Perkongsian Jarum Suntikan

Berkongsi jarum suntikan merupakan kaedah utama virus HIV merebak daripada seorang pembawa HIV kepada orang lain.



Darah yang dicemari virus HIV akan tertinggal di dalam jarum suntikan selepas digunakan oleh pembawa HIV.

Darah yang dicemari virus HIV akan dipindahkan kepada individu lain semasa perkongsian suntikan dadah.



Virus ini akan masuk dalam aliran darah dan seterusnya membiak dan menyerang sel-sel sistem pertahanan tubuh mangsa.



Peringkat Awal Jangkitan HIV

Pada peringkat ini, walaupun ujian HIV telah dapat mengesan kehadiran antibodi terhadap virus HIV tetapi pembawa HIV nampak sihat. Kira-kira 50 peratus daripada mereka mengambil masa selama sepuluh tahun untuk menunjukkan tanda-tanda AIDS, tetapi jangka masa ini mungkin lebih pendek jika tahap kesihatan dan pemakanan tidak dijaga dengan baik.

Beberapa tahun selepas dijangkiti, pembawa HIV mungkin mengalami beberapa masalah kesihatan seperti berikut:



Batuk yang berterusan



Demam berpanjangan



Susut berat badan



Cirit-birit yang berlarutan

Peringkat Akhir Jangkitan HIV (AIDS)


Pada peringkat ini, tahap daya tahan diri melawan penyakit telah lumpuh dan pesakit menunjukkan tanda-tanda tertentu. Kira-kira 50 peratus pesakit AIDS akan mati dalam masa kurang 2 tahun.

KANDIDIASIS

Jangkitan kulat. Tanda-tanda termasuk keputihan yang sakit dibahagian mulut dan sakit tenggorok semasa menelan. Jangkitan boleh mengenai organ lain seperti usus, hati, saraf pusat dan sistem pernafasan.

Kaposi Sarcoma

Kaposi's sarcoma merupakan barah saluran darah. Biasanya bertumpu di kaki. Namun pada mangsa AIDS, barah ini merata ke seluruh badan termasuk kulit dan organ lain seperti paru-paru.



PCP

(Pneumocystis Carinii Pnemonia)

Penyakit paru-paru akibat jangkitan protozoa (parasit satu sel). Tanda penyakit termasuk batuk tanpa kahak lebih 5 hari, sesak nafas yang bertambah teruk, pernafasan cepat dan muka bertukar jadi biru lebam.

HERPES ZOSTER

Jangkitan virus menyebabkan kulit melepuh mengikut punca saraf. Biasanya pada bahagian sebelah dada dan badan. Sakit pada saraf berkaitan biasanya berlaku 2 hingga 3 hari sebelum lepuhan kulit.

HIV Dan Cara Jangkitan

Seperti pembawa HIV yang lain, penagih dadah yang dijangkiti HIV boleh memindahkan virus ini melalui 3 cara utama:



Berkongsi jarum suntikan



Hubungan seks berlainan
jantina atau sejenis



Daripada ibu kepada anak
dalam kandungan

* Virus juga dipindahkan melalui pemindahan darah yang tercemar dan melalui penyusuan ibu.

HIV Dan Pencegahan



Yang terbaik adalah dengan berhenti menagih dadah.



Jangan menderma darah sekiranya anda penagih dadah.



Penggunaan kondom dan mencuci alat suntikan boleh mengurangkan risiko jangkitan.



Mengikuti program pemulihan dadah dengan keyakinan serta keazaman.



Jangan berkongsi jarum suntikan dan peralatan peribadi yang tercemar oleh darah.

HIV Dan Salah Tanggapan

Jangan bimbang, HIV tidak akan merebak melalui:



Sentuhan



Bekerja Bersama



Gigitan Serangga



Berenang



Penyediaan Makanan



Kemudahan Awam



Bersesakan



Bersukan

Tip Untuk Mengelakkan Diri Daripada Penagihan Semula Dadah

Jauhi kawan yang menagih dadah.



Elakkan situasi atau keadaan yang boleh menyebabkan anda menagih semula.

Belajar mengawal perasaan anda dan hadapilah rasa gian dengan tabah dan cekal.

Ubah cara hidup anda dengan bergiat dalam sukan, mempunyai hobi yang bermanfaat dan tingkatkan kemesraan dengan ahli keluarga.

Renungan

Tetap dan berterusan mengerjakan amalan agama seperti solat berjemaah dan zikir.

Minta bantuan daripada doktor dan kaunselor anda. Mereka dapat memberi nasihat yang berguna untuk anda.

Jangan menyimpan sebarang ubat yang boleh mendatangkan ketagihan semula seperti pil tidur, ubat penenang dan alkohol di rumah anda.

Hadapilah hidup ini dengan tenang dan sabar. Terimalah hakikat sekiranya anda telah dijangkiti HIV.



Usaha **“brader”**

sangat kami hargai dalam membantu mencegah jangkitan HIV.



Kementerian Kesihatan Malaysia
<http://www.prostar.com.my>
KKM/02/10,000

